

(1)

1782

KUALA LUMPUR, 23 OGOS (BERNAMA)--MALAYSIA BERSETUJU MEMBEKALKAN SINGAPURA GAS ASLI MELALUI SALURAN PAIP DARI TERENGGANU BAGI MENAMPUNG ANTARA 30 HINGGA 50 PERATUS KEPERLUAN TENAGA UNTUK JANAKUASA-JANAKUASA DI RAPABLIK ITU.

INI ADALAH ANTARA BEBERAPA PERSETUJUAN YANG DICAPAI DALAM PERBINCANGAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATNYA DARI SINGAPURA, ENCIK LEE KUAN YEW HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PROJEK ITU AKAN DILAKSANAKAN SEKIRANYA SATU KAJIAN YANG DIJALANKAN NANTI TERNYATA MENGUNTUNGKAN.

ENCIK LEE YANG MENJAWAB BEBERAPA SOALAN PARA PEMBERITA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE SINGAPURA BERKATA:

+SALURAN PAIP DARI TRENGGANU KE JOHOR SEPerti YANG DICADANGKAN BOLEH DISAMBUNG KE SINGAPURA DAN MEMBEKALKAN ANTARA 30 HINGGA 50 PERATUS KEPERLUAN TENAGA UNTUK KEGUNAAN JANAKUASA-JANAKUSA KAMI MENJELANG 1990. --LAGI 1901/MD
KUAN YEW-GAS 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI SINGAPURA ITU MENYENTUH BILAKAH PROJEK ITU DAPAT DIMULAKAN.

+SAYA RASA KAJIAN ITU MENUNJUKKAN BAHAWA SALURAN PAIP BOLEH SAMPAI KE JOHOR DAN SINGAPURA MENJELANG 1988+.

+JADI MENJELANG 1990 KIRA-KIRA 30 HINGGA 50 PERATUS DARIPADA TENAGA YANG KAMI PERLUKAN AKAN MENGGUNAKAN GAS DARI TRENGGANU+.
TAMBAH ENCIK LEE.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA JUGA BERSETUJU SAMA-SAMA MEMAJUKAN BEKALAN AIR DI JOHOR UNTUK KEGUNAAN NEGERI ITU DAN KALAU MUNGKIN MENAMPUNG KEPERLUAN SINGAPURA YANG SEMAKIN BERTAMBAH.

MERUJUK KEPADA PERJANJIAN 1962 DI MANA SINGAPURA AKAN DIBEKALKAN HINGGA 250 JUTA GELEN AIR DARI JOHOR, BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN JOHOR KINI MEMERLUKAN LEBIH BANYAK AIR, PERSETUJUAN PERLU DICAPAI BAGI NEGERI ITU MENDAPAT BEKALAN AIR DARI SUMBER YANG SAMA.

KUAN YEW-GAS 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KAMPUCHEA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA ENCIK LEE DAN BELIAU TIDAK BERTELENGKAH TENTANG APAKAH TINDAKAN KEDUA-DUA NEGARA ITU BAGI MENDAPATKAN SATU PENYELESAIAN MASALAH ITU.

BELIAU MENAMBAH MEREKA MEMBINCANGKAN LAWATAN ENCIK LEE KE AMERIKA SYARIKAT BARU-BARU INI DI MANA PERDANA MENTERI SINGAPURA ITU TELAH MEMBINCANGKAN PENDIRIAN AMERIKA.

MENURUT ENCIK LEE AMERIKA SYARIKAT MENARUH MINAT DAN MEMANDANG BERAT MASALAH ITU KERANA HUBUNGANNYA DENGAN NEGERI THAI.

+MEREKA TELAH BERULANGKALI MENGATAKAN KEWAJIPANNYA TERHADAP NEGERI THAI DI BAWAH PERJANJIAN MANILA MESTILAH DIBERI PERHATIAN SERIUS+, KATANYA.

KATANYA AMERIKA SYARIKAT TELAH MENJANJI BANTUAN KEPADA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA ATAS RASA PERI KEMANUSIAAN.

--LAGI 2030/AN

KUAN YEW-GAS 4 KUALA LUMPUR

ENCIK LEE BERKATA PERBINCANGAN SEDANG DIJALANKAN BAGI MENENTUKAN CARA MANA BANTUAN ITU DAPAT DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-SEBAIKNYA OLEH KERAJAAN CAMPURAN+.

PERDANA MENTERI ITU BERKATA DARI PERBINCANGANNYA DENGAN SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA ENCIK GEORGE SHULTZ, BELIAU MENDAPATI BAHAWA PEMIMPIN AMERIKA ITU KENAL BAIK DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+SAYA TIDAK FIKIR DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MENYEDARI LANGSUNG KEDUDUKAN ENCIK SHULTZ+.

TERDABULU ENCIK LEE BERKATA BELIAU DAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGADAKAN MESYUARAT YANG MEMUASKAN.

+SAYA DATANG KE SINI DENGAN SEMANGAT KEJIRANAN YANG RAPAT DAN SAYA GEMBIRA MENDAPATI SEMANGAT YANG SAMA DI PIHAK MALAYSIA+.

--BERNAMA 2133/OM